



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENERAPAN NILAI KEKELUARGAAN DALAM PENGAJARAN
KEKELUARGAAN OLEH GURU SEKOLAH MENENGAH
DI SELANGOR, MALAYSIA***

SITI SA'ADAH BINTI SULAIMAN

FPP 2018 20



**PENERAPAN NILAI KEKELUARGAAN DALAM PENGAJARAN
KEKELUARGAAN OLEH GURU SEKOLAH MENENGAH
DI SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

SITI SA'ADAH BINTI SULAIMAN

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan
untuk Ijazah Master Sains**

Januari, 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta @ Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**PENERAPAN NILAI KEKELUARGAAN DALAM PENGAJARAN
KEKELUARGAAN OLEH GURU SEKOLAH MENENGAH
DI SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

SITI SA'ADAH BINTI SULAIMAN

Januari, 2018

Pengerusi : Rahimah Jamaluddin, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Pengajaran bidang kekeluargaan di Malaysia semakin banyak dikendalikan oleh guru bukan opsyen. Selain itu, sebilangan guru baharu yang kurang pengalaman diarahkan mengajar dalam bidang kekeluargaan demi memenuhi keperluan sistem pendidikan. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneroka nilai kekeluargaan yang diterapkan dan proses penerapan nilai kekeluargaan dalam pengajaran tema kekeluargaan di sekolah menengah di Selangor. Guru sekolah menengah yang mengajar lima mata pelajaran yang mencakup tema kekeluargaan telah dipilih sebagai responden dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Data diperolehi melalui kaedah temu bual separa berstruktur, pemerhatian dan analisis dokumen bagi menjawab tiga persoalan kajian. Perisian Atlas.ti digunakan bagi membantu proses analisis data. Dapatan kajian menunjukkan nilai kekeluargaan yang difahami oleh guru sebagai nilai yang baik, akhlak yang mulia dan sebagai nilai yang membentuk budaya hidup. Seterusnya, nilai kekeluargaan yang diterap merujuk kepada nilai yang dicakup secara tersurat dan tersirat dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) tema kekeluargaan. Selain itu, dapatan juga menunjukkan proses penerapan nilai kekeluargaan yang dilaksanakan oleh guru merangkumi pendekatan berpusatkan guru dan pendekatan berpusatkan murid. Kaedah penerapan secara langsung dan secara tidak langsung juga turut digunakan oleh guru dalam proses penerapan nilai. Dapatan juga menunjukkan terdapat beberapa kekangan yang dihadapi oleh guru dalam proses penerapan nilai kekeluargaan. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru perlu memantapkan kefahaman mereka dalam pengetahuan berkaitan penerapan nilai kekeluargaan. Seterusnya, kajian ini memberi implikasi terhadap pemilihan guru yang mengajar tema kekeluargaan untuk meningkatkan kefahaman guru bagi membolehkan penerapan nilai kekeluargaan dapat dilakukan dengan lebih berkesan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**INCULCATION OF FAMILY VALUES IN FAMILY TEACHING BY
SECONDARY TEACHERS IN SELANGOR,
MALAYSIA**

By

SITI SA'ADAH BINTI SULAIMAN

January, 2018

Chairman : Rahimah Jamaluddin, PhD
Faculty : Educational Studies

Family studies teaching in Malaysia has been increasingly undertaken by teachers without this option. In fact, there are a number of inexperienced new teachers who have to teach family studies for the sake of fulfilling the need of the education system. Therefore, the aim of this study is to explore the family values inculcated and the process of inculcating family values by teachers who are teaching the family theme in secondary school in Selangor. Secondary school teachers who taught five subjects which included family theme were selected as the respondents for this research using purposive sampling technique. This study uses qualitative approach with case study design. Data were obtained through semi structured interviews, observation and document analysis to answer the three research questions. The Atlas.ti software is used to aid the data analysis process. The finding shows that the family values as understood by teachers are good values, good manners and as values which form the life culture. Next, the family values inculcate refer to the explicit and implicit values covered in the teaching and facilitation (PdPc) of family theme. In addition, the findings also indicate that the process of inculcating family values implemented by teachers encompasses teacher-centered approaches and student-centered approaches. The direct and indirect methods of inculcating are also used by teachers in the process of inculcating family values. The findings also show that there are some constraints faced by teachers in the process of inculcating family values. Overall, the study shows that teachers need to strengthen their understanding of knowledge in inculcating family values. Furthermore, this study has implication on the selection of teachers who teach family themes which is to enhance teachers' understanding in order to inculcate family values more effectively.

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah, pemilik keagungan dan pengetahuan. Tiada daya dan upaya kecuali dengan izin Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, dan Maha Mendengar keluh kesah hambaNya. Dengan berkat rahmat dan kuasa Allah s.w.t, saya diberi kekuatan, semangat dan kesabaran untuk menyelesaikan tesis ini. Selawat dan Salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW dan seluruh ahli keluarga Baginda.

Setinggi-tinggi penghargaan khas ditujukan buat Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan, Dr. Rahimah binti Jamaluddin yang banyak memberi bimbingan dan pandangan yang bernas dan jitu dalam memperkemaskan kajian ini. Begitu juga, Ahli Jawatankuasa Penyeliaan tesis saya iaitu Dr. Fathiyah Mohd Fakhrudin, yang tidak jemu menyemak, menilai dan memberi cadangan kepada penambahbaikan penulisan tesis ini. Syukur ke hadrat Allah kerana dikurniakan penyelia yang sangat membantu dalam perjalanan Master Sains saya ini. Seterusnya, penghargaan ini juga ditujukan buat barisan pensyarah yang telah mengajar saya semasa di peringkat ijazah Master ini.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya Bahagian Tajaan yang telah memberi tajaan Hadiah Latihan Persekutuan Separuh Masa kepada saya untuk menyambung pengajian peringkat Master ini. Tidak ketinggalan buat Jabatan Pelajaran Negeri Selangor dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, Kementerian Pelajaran Malaysia yang memberi kebenaran bagi menjalankan kajian ini. Begitu juga, kepada Bahagian Sekolah Harian Malaysia yang membantu saya memperoleh data yang saya perlukan bagi menyokong kajian ini.

Teristimewa penghargaan ini ditujukan khas buat bonda Puan Habsah binti Ismail dan ayahanda Sulaiman bin Abdul Manan. Doa daripada kalian sangat membantu dalam mengharungi dunia penulisan tesis yang sungguh mencabar ini. Buat suami tercinta, Encik Muhammad Rahawaluddin bin Haji Ismail, terima kasih kerana menjadi pendorong utama, sahabat setia, yang bersama-sama berkongsi suka duka membantu dan memahami kesibukan saya dalam menimba ilmu. Tanpa doa, dorongan, harapan dan motivasi, perjalanan Master Sains ini tidak bermula dan tidak mampu diselesaikan. Buat anak-anak tersayang, Ahmad, Muhammad, Umar dan Ismail, pengorbanan serta keletah kalian pemacu perjuangan yang berliku ini. Dengan Rahmat Mu Ya Allah, setinggi-tinggi kesyukuran kerana dikurniakan suami dan anak-anak yang menjadikan pengalaman sebagai guru, pelajar, isteri dan ibu dalam satu masa, pengalaman menarik yang banyak mengubah sempadan kehidupan. Kejayaan ini adalah berkat doa seluruh ahli keluarga dan sahabat. Ya Allah, rahmatilah mereka semua. Kurniakanlah kami kebahagiaan di dunia dan akhirat. Amin.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 15 Januari 2018 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Siti Sa'adah binti Sulaiman bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Penerapan Nilai Kekeluargaan dalam Pengajaran Kekeluargaan oleh Guru Sekolah Menengah di Selangor, Malaysia" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Abdullah bin Mat Rashid @ Mat Idris, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Dato' Norhasni binti Zainal Abidin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Nor Aishah binti Buang, PhD

Profesor
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



RUSLI HAJI ABDULLAH, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 30 Julai 2018

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Rahimah Jamaluddin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Fathiyah Mohd Fakhruddin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 15

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik dan hak cipta tesis ini adalah hak mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Siti Sa'adah Sulaiman, GS39081

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa Penyeliaan : Rahimah Jamaluddin

Tandatangan : _____

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan : Fathiyah Mohd. Fakhruddin

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PERAKUAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
BAB	
1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.2.1 Nilai-nilai Kekeluargaan dalam Kurikulum Pendidikan Negara	2
1.2.2 Pelaksanaan Nilai Kekeluargaan dalam Pengajaran dan Cabarannya	4
1.2.3 Guru Bukan Opsyen dan Tempoh Pengajaran	5
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.7 Skop dan Limitasi Kajian	9
1.8 Definisi Konsep dan Operasional	10
1.8.1 Nilai Kekeluargaan	10
1.8.2 Pendidikan Kekeluargaan	10
1.8.3 Guru Opsyen	11
1.8.4 Kaedah Penerapan Nilai Kekeluargaan	11
1.8.5 Kaedah Penerapan Nilai Kekeluargaan	11
1.9 Rumusan	12
2 KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	13
2.2 Pendidikan Kekeluargaan dalam Sistem Pendidikan di Malaysia	13
2.2.1 Latar Belakang Guru yang Mengajar Kekeluargaan	15
2.3 Konsep Nilai	16
2.3.1 Konsep Keluarga	18
2.3.2 Konsep Nilai Kekeluargaan	19
2.3.3 Asas Pembinaan Keluarga dalam Islam	21
2.3.4 Asas Pembinaan Keluarga Mengikut Barat	22
2.3.5 Nilai kekeluargaan dalam Sistem Pendidikan di Malaysia	24

2.4	Pendekatan dan Kaedah Pengajaran yang Diamalkan oleh Guru	25
2.5	Teori-teori yang Berkaitan	27
2.5.1	Teori Pendidikan Akhlak Imam Al-Ghazali (1998)	27
2.5.2	Teori Ekologi Pembangunan Manusia Bronfrenbrenner (1979)	29
2.6	Kajian Lepas mengenai Penerapan Nilai Kekeluargaan	32
2.6.1	Kajian Lepas mengenai Nilai Kekeluargaan Secara Umum	32
2.6.2	Kajian Lepas mengenai Maksud Nilai Kekeluargaan	33
2.6.3	Kajian Lepas mengenai Penerapan Nilai Kekeluargaan dalam kalangan Guru Opsyen dan Guru Bukan Opsyen	35
2.6.4	Kajian Lepas mengenai Faktor Yang Meningkatkan Penerapan Nilai Kekeluargaan	37
2.6.5	Kajian Lepas mengenai Kaedah Penerapan Nilai Kekeluargaan Secara Langsung dan Secara Tidak Langsung	38
2.6.6	Kajian Lepas mengenai Kekangan Yang dihadapi Guru	39
2.7	Kerangka Teoritikal Kajian	40
2.8	Rumusan	41
3	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	42
3.2	Reka Bentuk Kajian	42
3.3	Pengkaji sebagai Instrumen Kajian	43
3.4	Penentuan dan Pemilihan Responden	45
3.5	Kriteria Pemilihan Responden	45
3.6	Prosedur Pelaksanaan Kajian	47
3.7	Kaedah Pengumpulan Data	49
3.7.1	Temu bual Mendalam	49
3.7.2	Pemerhatian Pengajaran	56
3.7.3	Catatan Lapangan	57
3.7.3	Analisis Dokumen	57
3.8	Kajian Rintis	58
3.9	Kaedah Penganalisan Data	59
3.9.1	Analisis Data Temubual	59
3.9.2	Analisis Data Pemerhatian dan Dokumen	60
3.9.3	Analisis Data Keseluruhan	61
3.10	Etika Penyelidikan	63
3.11	Kesahan dan Kebolehpercayaan	63
3.11.1	Triangulasi	64
3.11.2	Penilaian Rakan Sekerja	64
3.12.3	Jejak Audit	65
3.12.4	Hubungan Berterusan Antara Pengkaji dengan Responden	65
3.12	Rumusan	66

4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	67
4.2	Profil Responden	67
4.3	Persoalan Kajian 1	68
4.3.1	Nilai yang Baik	68
4.3.2	Akhlik yang Baik	69
4.3.3	Budaya Hidup	70
4.4	Persoalan Kajian 2	70
4.4.1	Nilai Kekeluargaan yang Tersurat	71
4.4.2	Nilai Kekeluargaan yang Tersirat	74
4.5	Persoalan Kajian 3	76
4.5.1	Penggunaan Pendekatan Pengajaran	76
4.5.2	Penggunaan Kaedah Penerepan	83
4.6	Persoalan Kajian 4	87
4.6.1	Faktor Guru Bukan Opsyen	87
4.6.2	Faktor Guru Kekurangan Kursus	88
4.6.3	Faktor Peruntukan Masa	89
4.6.4	Faktor Sikap Murid	90
4.6.5	Faktor Sikap Ibu bapa	92
4.7	Rumusan	93
5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	94
5.2	Ringkasan	94
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	95
5.3.1	Maksud Nilai Kekeluargaan	95
5.3.2	Nilai Kekeluargaan yang Diterapkan	96
5.3.3	Proses Penerapan Nilai Kekeluargaan	100
5.3.4	Kekangan yang Dihadapi oleh Guru dalam Menerapkan Nilai Kekeluargaan	104
5.4	Kesimpulan Kajian	108
5.5	Implikasi Kajian	108
5.4.1	Implikasi Kajian Terhadap Aspek Teori	109
5.4.2	Implikasi Kajian Terhadap Aspek Praktikal	109
5.5	Cadangan	110
5.5.1	Aspek Amalan	110
5.5.2	Kajian Lanjutan	110
	RUJUKAN	111
	LAMPIRAN	119
	BIODATA PELAJAR	129
	SENARAI PENERBITAN	130

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
2.1 Analisa peruntukan waktu pengajaran kekeluargaan per murid setahun bagi lima mata pelajaran	14
2.2 Tajuk dalam Pendidikan Islam Tingkatan 5	24
2.3 Tajuk dalam Pendidikan Moral Tingkatan 3	24
2.4 Tajuk dalam Pendidikan Kesihatan Tingkatan 2	24
2.5 Tajuk dalam Pendidikan Sivik Kewarganegaraan Tingkatan 3	25
2.6 Tajuk Kekeluargaan dalam ERT Tingkatan 5	25
3.1 Tarikh Perbincangan Awal Temu bual dan Pemerhatian yang Dijalankan	54
4.1 Profil Responden	68
4.2 Maksud Nilai Kekeluargaan	68
4.3 Nilai Kekeluargaan	70
4.4 Bagaimana Guru Menerapkan Nilai Kekeluargaan	76
4.5 Kekangan yang Dihadapi oleh Guru dalam Menerapkan Nilai Kekeluargaan	76

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
2.1	Teori Ekologi Pembangunan Manusia Bronfrenbener	30
2.2	Kerangka Teoritikal Kajian	21



SENARAI SINGKATAN

EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia
ERT	Pendidikan Ekonomi Rumah Tangga
HSP	Huraian Sukatan Pelajaran
JPNS	Jabatan Pelajaran Negeri Selangor
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KOMSAS	Komponen Sastera
LADAP	Latihan Dalam Perkhidmatan
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcaraan
PI	Pendidikan Islam
PJK	Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
PM	Pendidikan Moral
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
PSK	Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Hasrat Kerajaan Malaysia bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju mengambil kira aspek keberhasilan dalam bidang pendidikan khususnya adalah untuk melahirkan modal insan yang seimbang sesuai dengan keperluan negara. Bagi mencapai hasrat kerajaan itu, guru merupakan medium yang paling sesuai untuk melaksanakan transformasi pendidikan serta memikul amanah bagi membentuk murid. Oleh itu, guru yang berkualiti merupakan sandaran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi membantu pelaksanaan transformasi pendidikan negara seperti dihasratkan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Melalui PPPM juga, sistem pendidikan diharapkan dapat membentuk individu yang penyayang dan dapat menyumbang kepada kesejahteraan komuniti dan negara. Untuk mencapai kesejahteraan kepada komuniti dan negara, sudah tentu kesejahteraan diri dan keluarga perlu diberi keutamaan. Maka, elemen pendidikan yang menjurus kepada pendidikan keluarga perlu diberi penekanan agar murid yang dilahirkan melalui sistem pendidikan negara mampu mendepani cabaran hidup khususnya dalam keluarga dan masyarakat yang sememangnya sentiasa menghadapi pelbagai cabaran semasa.

Oleh itu, dalam anjakan ketiga yang digariskan dalam PPPM, KPM menyatakan hasrat untuk melahirkan rakyat Malaysia yang menghayati nilai iaitu melalui usaha memperkukuhkan mata pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan. Aspek yang terkandung dalam elemen ini sangat bertepatan dengan intipati FPK bagi melahirkan masyarakat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia dan bertanggungjawab yang diharapkan dapat memberi sumbangan kepada keharmonian diri, keluarga, masyarakat dan negara. Untuk itu, faktor-faktor sosial dan persekitaran seperti ibu bapa, rakan sebaya, sekolah, masyarakat, media massa dan persekitaran sangat membantu pembentukan nilai murni seseorang murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Menyahut seruan tersebut, pendekatan penerapan nilai menjadi salah satu pemangkin kepada pembinaan modal insan yang seimbang iaitu mempersiapkan diri murid agar memiliki keperibadian seimbang seperti mana yang dihasratkan dalam FPK.

Justeru itu, apa yang diharapkan agar pendidikan formal di sekolah dan pendidikan tidak formal di rumah dapat membantu merealisasikan hasrat murni tersebut. Maka, adalah wajar agar penerapan nilai kekeluargaan diberi perhatian serius terutama oleh guru yang mengajar mata pelajaran yang mencakupi aspek kekeluargaan kerana hanya Pendidikan Kekeluargaan merupakan satu-satunya cabang ilmu yang memberikan pendedahan secara langsung berkaitan sistem keluarga kepada murid (Rahimah, 2012).

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan merupakan suatu wadah yang kukuh dalam membangunkan modal insan yang berkeperibadian mulia, berketerampilan, berpengetahuan luas dan mempunyai kemahiran tinggi bagi merealisasikan keperluan utama negara pada abad ke-21. Sehubungan itu, institusi pendidikan memainkan peranan utama dalam membentuk nilai moral dan nilai kekeluargaan dalam diri murid sejak kecil lagi. Tujuannya agar individu yang membesar itu akan menjadi ahli keluarga yang bertanggungjawab, beretika dan bermoral.

Untuk menggalas tanggungjawab itu, guru merupakan individu yang bertanggungjawab dalam mengembangkan nilai kekeluargaan diingini supaya dapat melahirkan murid-murid yang mempunyai pekerti mulia (Mohd Khairi & Mohamad Khairi, 2016). Oleh itu, pengajaran berkesan memerlukan guru yang memiliki kemahiran khusus dalam bidang diiktiraf dengan pendidikannya agar boleh mengembangkan keupayaan murid-murid untuk memahami pelbagai pendekatan pengajaran bagi menghasilkan perubahan tingkah laku murid ke arah yang positif. Oleh yang demikian, adalah diharapkan agar kajian berkaitan dengan pendidikan kekeluargaan ini menjadi salah satu usaha mengurangi permasalahan yang wujud dalam institusi keluarga pada hari ini.

1.2.1 Nilai-nilai Kekeluargaan dalam Kurikulum Pendidikan Negara

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, penerapan nilai kekeluargaan lebih banyak diterapkan dalam lima mata pelajaran iaitu Pendidikan Ekonomi Rumah Tangga (ERT), Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan (PSK), Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK), Pendidikan Moral (PM) dan Pendidikan Islam (PI). Merujuk kepada sukatan pelajaran bagi lima mata pelajaran yang dinyatakan di atas, komponen pendidikan kekeluargaan ditekankan dalam proses penerapan nilai. Di samping itu, pendidikan kekeluargaan merupakan cabang ilmu yang memberi penekanan terhadap domain afektif yang dapat memberi pendedahan secara langsung kepada murid tentang kehidupan berkeluarga (Rahimah, Rosini, Abdullah, & Habsah, 2014). Justeru, tanggungjawab mengembangkan aspek perkembangan diri perlu digalas oleh institusi pendidikan, khususnya guru dalam memainkan peranan yang sangat penting bagi mengembangkan nilai yang diingini untuk menjadikan murid warganegara yang bertanggungjawab, beretika dan bermoral.

Berdasarkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang kini dikenali sebagai Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), aspek kekeluargaan masih lagi dicakup dalam lima mata pelajaran seperti yang dinyatakan di atas. Manakala Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) pula menggunakan HSP ERT, 2003; PM, 2002; PI, 2000; PJK, 1999 dan PSK 2008. Bagi menyahut cabaran menjadikan pendidikan kekeluargaan sebagai salah satu medium yang menyumbang kepada perkembangan aspek perkembangan diri murid, KPM memulakan melaksanakan cabaran penerapan nilai kekeluargaan merentas kurikulum. Ini bermakna, hasrat yang terkandung dalam Pusat Perkembangan Kurikulum (2005b) memerlukan semua mata pelajaran yang

terlibat menyumbang kepada penerapan nilai sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung. Terkini, pelaksanaan pendidikan kekeluargaan di Malaysia turut menghadapi pelbagai pembaharuan yang memerlukan peningkatan inovasi dalam kalangan guru agar mempunyai kreativiti yang dinamik untuk disesuaikan dengan keperluan murid. Hal ini kerana guru perlu menjadi pengantara yang berkesan bagi merangsang dan mengembangkan potensi murid dengan menjalankan kepelbagaian pendekatan pengajaran (Baharom, 2009). Menurut Mohamad Khairi (2013), nilai boleh juga diterap dalam mata pelajaran lain secara langsung ataupun secara tidak langsung melalui aktiviti harian mahupun aktiviti kokurikulum. Antara cabaran utama ialah kekurangan guru opsyen yang mengajar mata pelajaran kekeluargaan ini seperti dilaporkan dalam beberapa kajian. Bagi mata pelajaran PSK, guru dilaporkan tidak menerima latihan PSK semasa dalam perkhidmatan (Noor Aini, 2013). Buktinya, setakat ini belum ada latihan perguruan yang ditawarkan dalam bidang ini. Hanya terdapat kursus jangka pendek yang dijalankan oleh PPK dalam bidang PSK. Walau bagaimanapun, hasil daripada analisa sinopsis kursus yang ditawarkan dalam latihan perguruan di peringkat universiti, penyelidik mendapati selain mata pelajaran PSK, guru yang mengajar kekeluargaan hanya mengikuti satu (3 kredit) kursus yang berkait dengan aspek kekeluargaan jika dibandingkan dengan aspek lain.

Secara umumnya, tujuan pendidikan kekeluargaan diperkenalkan adalah untuk menyediakan individu dengan kemahiran dan pengetahuan kekeluargaan supaya mereka boleh menangani masalah bagi menghadapi perubahan sosial yang wujud dalam masyarakat (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003c). Melalui pendidikan kekeluargaan ini, diharapkan generasi muda dapat dididik agar melakukan perkara baik serta mencegah mereka daripada terjebak dengan aktiviti sosial yang tidak bermoral. Menerusi Pendidikan Kekeluargaan contohnya dapat membina kesedaran sivik tentang hak dan tanggungjawab sebagai ahli keluarga dan masyarakat (Kurikulum, 2004).

Matlamat secara khususnya pula, adalah diharapkan Pendidikan Kekeluargaan dapat memupuk minat dan kecenderungan murid ke arah membina sebuah keluarga yang harmoni iaitu dengan mempunyai persediaan rapi daripada segi ilmu pengetahuan tentang pengurusan diri dan keluarga serta memahami matlamat pembinaan sebuah keluarga yang bahagia (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003a). Ditambah lagi dengan keperluan menerapkan nilai positif agar mampu melahirkan individu yang bukan sahaja berakhlak mulia, malah berketerampilan, bertanggungjawab dan memahami hak dan peranan yang akhirnya membawa kepada kebaikan kehidupan di dunia dan akhirat.

Secara dasarnya, kerajaan dilihat amat prihatin dan peka terhadap aspek penerapan nilai kekeluargaan dalam kalangan murid sekolah. Tambahan lagi dalam era perkembangan teknologi kini, wujud keperluan untuk menyediakan murid dengan ilmu kekeluargaan bagi membolehkan murid bersedia untuk memasuki alam dewasa, perkahwinan, keibubapaan dan membina institusi kekeluargaan yang harmonis (Rahimah & Roselan, 2009). Penerapan nilai kekeluargaan ini diharap dapat membangunkan institusi keluarga yang sihat, harmoni dan berkualiti pada masa hadapan.

1.2.2 Pelaksanaan Nilai Kekeluargaan dan Cabarannya

Secara umumnya, usaha menerapkan nilai kekeluargaan sememangnya telah dilakukan tetapi realiti sebenarnya ialah penerapan yang dilakukan adalah terhad serta mengalami banyak cabaran antaranya permasalahan sosial yang berlaku dalam kalangan remaja (Mohamad khairi et.al, 2017). Di sekolah antara cabaran utama dalam pendidikan kekeluargaan ialah guru kurang ilmu. Seperti mana laporan yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendidikan Guru (2011) telah mendapati, guru menghadapi kekangan dalam menerapkan nilai disebabkan oleh faktor kurangnya pengetahuan guru tentang kandungan mata pelajaran (*subject matter*) yang diajar. Antara permasalahan yang dihadapi oleh guru adalah kesukaran untuk menghubungkan antara isi pelajaran dengan nilai yang diajar (Bahagian Pendidikan Guru, 2009). Cabaran guru yang lain yang perlu diberi perhatian ialah masalah guru kurang berketerampilan daripada aspek penguasaan pedagogi (Munirah Husna, Abdul Razaq & Noria Munirah, 2015).

Cabaran seterusnya ialah pendidikan kekeluargaan di sekolah tidak bermula awal. Menurut Anderson (2008), penerapan nilai kekeluargaan di sekolah perlu dimulakan sejak kanak-kanak dalam usia prasekolah kerana keperluan pembinaan modal insan yang berketerampilan perlu dimulakan seawal usia. Nilai baik yang boleh diamalkan dalam keluarga seperti nilai hormat-menghormati, bekerjasama, menjaga kebersihan, berjimat cermat dan banyak nilai kekeluargaan sangat sesuai untuk mula dipelajari daripada usia murid prasekolah (Astuti & Ernawati, 2010).

Cabaran seterusnya ialah penerapan nilai di sekolah tidak dilakukan secara menyeluruh. Menurut Mohamad Khairi dan Asmawati, (2010), kekangan yang berlaku di sekolah rendah dan sekolah menengah ialah kebanyakan guru kurang melaksanakan penerapan amalan baik tersebut lantaran sebilangan guru yang mempunyai salah tanggapan bahawa hanya mata pelajaran tertentu sahaja yang sesuai menjalankan pengajaran bagi menerapkan nilai kekeluargaan.

Cabaran lain ialah kurang penekanan diberikan kepada aspek penerapan nilai kekeluargaan lantaran guru terlalu memfokus kepada akademik semata-mata. Seharusnya, pendidikan di sekolah tidak hanya bermatlamat agar murid lulus akademik sahaja namun perlu melihat matlamat yang lebih luas ke arah melahirkan insan seimbang meliputi aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani (Pusat Perkembangan Kurikulum., 2005). Menurut Abdul Rahim dan Azharul Nizam (2010), pengajaran tidak seharusnya bersandarkan kepada peperiksaan semata-mata tetapi dengan tujuan bagi melahirkan manusia yang mempunyai akhlak yang baik dan patuh pada agama.

Selain itu, beberapa cabaran lain dalam memantapkan pendidikan kekeluargaan ini juga perlu diberi perhatian. Antara cabarannya ialah mata pelajaran seperti PJK dan PSK tidak begitu diberi penekanan kerana tidak terlibat dalam peperiksaan awam seperti mata pelajaran ERT, PM dan PI (Ainudin & Abdullah, 2013). Adalah tidak memadai untuk melihat hasil yang optimum jika hanya dengan pengajaran tajuk-tajuk

kecil, guru mengharapkan hasil yang maksimum terhadap perubahan tingkah laku murid. Seperti mana yang dinyatakan oleh Kalaiselvi Ettikan, Nur Surayyah Madhubala Abdullah dan Umi Kalthom Abdul Manaf (2015), guru perlu mempunyai pemahaman yang kukuh dan menguasai konsep-konsep asas supaya dapat melakukan integrasi antara disiplin ilmu dan nilai yang sangat penting bagi melihat keberkesanan dalam penyampaian pengajaran.

Seterusnya, cabaran yang datang daripada persepsi guru yang silap bahawa nilai kekeluargaan boleh wujud secara semulajadi. Terdapat sebilangan guru yang mengabaikan aspek penerapan nilai kekeluargaan kerana menganggap penerapan nilai kekeluargaan telah wujud semula jadi apabila murid bergaul dan berinteraksi dengan orang lain dalam kehidupan seharian (Norazri, 2015). Jelaslah, tanggapan sebegini menyebabkan guru-guru lebih selesa membiarkan setiap murid agar seimbang secara semula jadi dari segi penerapan nilai kekeluargaan kerana yakin setiap murid telah memiliki nilai kekeluargaan yang telahpun diterapkan di rumah antaranya seperti nilai kasih sayang, nilai bekerjasama, hormat-menghormati, bertanggungjawab, menjaga kebersihan dan sebagainya.

Sebahagian guru turut beranggapan, penerapan nilai kekeluargaan boleh wujud secara tersirat sebagai contoh ketika aktiviti berkumpulan menyebabkan kurang penekanan tentang konsep nilai yang seharusnya ditekankan (Zamri, 2012). Hal ini memberi implikasi kepada pemahaman murid terhadap nilai kekeluargaan yang kurang dikuasai dengan berkesan. Maka, sudah tiba masanya guru pendidikan kekeluargaan yang diberikan amanah untuk mengajar tajuk kekeluargaan agar membuat perancangan rapi sama ada menerapkan nilai secara langsung ataupun secara tidak langsung agar memastikan menjalankan penerapan nilai secara berkesan.

Menyedari hakikat bahawa perlunya kajian untuk melihat penerapan nilai kekeluargaan dijalankan, maka pengkaji berminat untuk mengkaji perkara ini. Memandangkan guru yang mengajar aspek kekeluargaan ini mempunyai latar belakang yang pelbagai, maka banyak faktor perlu dipertimbangkan dan diberi perhatian.

1.2.3 Guru Bukan Opsyen dan Tempoh Pengajaran

Guru adalah penggerak utama dalam pelaksanaan pengajaran dan pemudahcara (PdPc) di sekolah. Justeru peranan guru sangat penting dalam menyampaikan PdPc di dalam bilik darjah. Dalam konteks pengajaran nilai kekeluargaan, kecenderungan guru untuk meningkatkan pencapaian mata pelajaran terlibat dalam Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan peperiksaan SPM telah mempengaruhi corak pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Rentetan itu, menyebabkan pengajaran guru terikat kepada bahan dan kaedah menjawab soalan peperiksaan serta bercirikan format soalan peperiksaan. Menurut kajian Juliyana, (2016) guru yang menjadi responden dalam kajiannya seronok mengajar subjek nilai kekeluargaan kerana mereka menganggap ia adalah mata pelajaran yang mudah untuk diajar. Malahan, dalam kalangan pentadbir sekolah juga menganggap mudah bahawa mata pelajaran yang

mengandung nilai-nilai kekeluargaan ini boleh diajar oleh guru-guru lain selain guru yang mempunyai opsyen nilai kekeluargaan. Penguasaan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang mata pelajaran menjadi keutamaan kepada guru-guru. Oleh yang demikian, guru perlu memahami prinsip-prinsip pembelajaran supaya mempunyai asas yang kukuh untuk membuat persediaan dalam PdPc mereka. Apabila guru bukan opsyen mengajar, maka mereka tidak dapat mengajar dengan berkualiti dan berkesan (Abdul Rahim & Azharul Nizam, 2010). Ini kerana biasanya guru hanya pakar dalam bidang pengkhususannya sahaja. Pada masa yang sama, hal ini menyebabkan guru bukan opsyen tertekan kerana perlu mengajar mata pelajaran yang bukan bidang mereka di samping menghadapi kesukaran untuk menguasai PdPc. Mereka juga akan menganggap ia satu bebanan tugas dan bukannya sebagai tanggungjawab.

Guru yang mengajar bukan dalam bidang kepakaran mereka pula biasanya terdiri dalam kalangan guru-guru baharu dan mempunyai pengalaman mengajar kurang dari 5 tahun (Mohamad Khairi & Asmawati, 2010). Beberapa masalah mungkin berlaku dalam penyampaian sukatan pelajaran yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kajian oleh Latifah, Wan Nasyrudin, & Nurul Hidayah, (2012); Norazri, (2015); Othman, Yusoff, Puteh, & Roslan, (2017) mendapati pengetahuan guru adalah berkaitan pendekatan pengajaran, isi kandungan dan amalan pengajaran akan membantu proses PdPc di dalam bilik darjah. Oleh itu, situasi ini membuktikan bahawa guru yang kurang pengetahuan dalam mata pelajaran yang hendak diajarkan kurang berkeyakinan, mempunyai kompetensi yang rendah dan kurang komited dalam pengajaran.

Laporan daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) pula menyatakan kadar tugas ganti guru yang banyak menyebabkan masalah prestasi peperiksaan pelajar yang lemah di sekolah. Manakala guru pula terpaksa mengajar mata pelajaran bukan opsyen. Selain itu, isu pengajaran nilai kekeluargaan sering dikaitkan dengan kekurangan guru opsyen nilai kekeluargaan ini. Kesannya, guru besar atau pengetua terpaksa meminta guru bukan opsyen untuk mengisi kekosongan. Kebiasaannya pula, pihak pentadbir tidak mengambil kira tentang kepakaran tetapi hanya memenuhi keperluan sekolah. Terdapat banyak guru yang bukan sahaja tidak dapat mengajar subjek-subjek ini dengan baik, tetapi penguasaan mereka juga amat lemah kerana tidak menguasai bidang ini dengan baik. Maka akan wujudlah masalah dalam melahirkan pelajar yang benar-benar berketerampilan dari aspek penguasaan nilai-nilai kekeluargaan seperti yang diharapkan. Masalah prestasi peperiksaan pelajar yang lemah di sekolah juga berpunca daripada kadar tukar ganti guru yang banyak (KPM, 2013).

Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa kebanyakan sekolah khususnya di pedalaman menghadapi masalah kekurangan guru. Masalah ini juga terjadi apabila jumlah bilangan pelajar yang bertambah dari masa ke semasa. Kekangan ini menyebabkan, guru-guru yang mempunyai opsyen tertentu tidak ditempatkan di sekolah ini. Hal ini menyebabkan pihak sekolah dan pentadbir menghadapi masalah dalam menentukan guru mata pelajaran yang sesuai. Kekurangan tenaga guru yang berkelayakan untuk mengajar nilai kekeluargaan menyebabkan pihak pentadbir memberi tugas dan tanggungjawab mengajar mata pelajaran ini kepada guru-guru yang mempunyai opsyen lain. Tambahan pula, guru yang mengajar pula kebanyakan

terdiri daripada guru-guru yang baharu ditempatkan. Mereka mempunyai pengalaman yang kurang daripada 5 tahun dan diminta untuk mengajar subjek yang bukan opsyen mereka (Noraida, 2006). Walaupun tindakan ini dapat menyelesaikan masalah kekurangan guru tetapi ini menyebabkan PdPc guru tidak mencapai tahap yang optimum.

1.3 Penyataan Masalah

Di Malaysia, pendidikan kekeluargaan mula diajar kepada murid pada tahun 1988 apabila KBSM diperkenalkan. Merujuk kepada KBSM, sekarang dikenali sebagai KSSM, kekeluargaan merupakan sub-tajuk yang diajar secara merentas kurikulum dalam lima mata pelajaran iaitu Pendidikan Ekonomi Rumah Tangga (ERT), Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan (PSK), Pendidikan Jasmani dan kesihatan (PJK), Pendidikan Moral (PM) dan Pendidikan Islam (PI). Ini bermakna, guru yang mengajar kekeluargaan terdiri daripada guru yang berlainan pengkhususan dan latar belakang.

Kekangan utama yang dihadapi oleh guru di Malaysia adalah terdapat sebilangan guru yang mengajar bidang kekeluargaan terdiri daripada guru bukan opsyen. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Bahagian Sekolah Harian (2016), didapati peratus guru bukan opsyen yang mengajar mata pelajaran tersebut adalah agak tinggi iaitu 42.7% bagi mata pelajaran ERT, 87.2% bagi mata pelajaran Pendidikan Moral (PM), 84.4% bagi mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan(PJK), 98.04% bagi mata pelajaran Pendidikan Sains dan Kesihatan(PSK) dan 0.03% bagi mata pelajaran Pendidikan Islam(PI). Maka, masalah yang ketara ialah guru bukan sahaja kurang menguasai bidang yang diajar, malah menghadapi kekangan untuk menerapkan nilai kekeluargaan kerana guru perlu mengajar mata pelajaran di luar bidang pengkhususan mereka (Siti Salwa, 2014).

Kekangan seterusnya ialah guru yang diberi tugas mengajar bidang kekeluargaan didapati kurang menerima latihan yang berkaitan dengan bidang yang perlu diajar. Kekurangan latihan ini menyebabkan sebilangan guru yang mengajar kekeluargaan tidak mendapat pendedahan yang secukupnya yang membolehkan mereka menguasai ilmu yang diperlukan untuk mengajar dalam bidang yang diperlukan. Rahimah (2012) menyatakan kursus yang berkaitan isi kandungan mahupun pedagogi yang sesuai bagi mata pelajaran Kekeluargaan sangat perlu diadakan bagi menambahkan kefahaman guru yang mengajar mata pelajaran tersebut.

Selain itu, penerapan nilai kekeluargaan boleh dijadikan salah satu faktor bagi membantu mengurangkan masalah disiplin dalam kalangan murid. Pelbagai masalah disiplin antaranya ponteng sekolah, vandalisme, merokok, tidak menghormati guru dan ibu bapa boleh dikurangkan sekiranya pendidikan kekeluargaan mampu menjadi medium bagi mendidik jiwa murid-murid dengan nilai kekeluargaan yang baik. Oleh itu, cabaran dalam pembentukan nilai yang baik perlu diterapkan oleh guru di sekolah agar murid-murid dapat dididik supaya bermoral, berakhlak dan mengamalkan budaya yang sesuai untuk melahirkan murid berperibadi mulia (Othman et al., 2017).

Tambahan pula, kajian dalam bidang penerapan nilai kekeluargaan dalam pengajaran kekeluargaan belum banyak dijalankan. Kajian yang khusus dijalankan bagi melihat faktor penerapan nilai kekeluargaan oleh guru dalam bidang kekeluargaan telah dijalankan oleh Rahimah (2012). Sungguhpun begitu, kajian tersebut menyentuh tentang efikasi sendiri guru dalam melaksanakan pengajaran kekeluargaan dan tidak menyentuh secara khusus tentang penerapan nilai kekeluargaan sama ada secara formal ataupun tidak formal. Menurut Rahimah (2012), didapati faktor kesukaran dalam mengukur pencapaian murid kerana pengajaran kekeluargaan diajar secara sisipan dan hanya diajar dalam beberapa tajuk kecil. Kajian yang mengkhusus tentang penerapan nilai kekeluargaan dan proses penerapan nilai kekeluargaan juga perlu diperincikan agar pengetahuan guru yang lebih mendalam terhadap kaedah pengajaran penerapan nilai dapat merangsang kesan positif ke atas murid seterusnya dapat mengaplikasikan dalam kehidupan sebenar (Othman et al., 2017).

Oleh itu, berdasarkan masalah yang dinyatakan di atas, adalah penting untuk menjalankan kajian tentang penerapan nilai kekeluargaan dalam pengajaran Pendidikan Kekeluargaan dengan memberi fokus kepada nilai kekeluargaan yang diterap dan bagaimana nilai kekeluargaan itu diterap dalam pengajaran tema kekeluargaan.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat penerapan nilai kekeluargaan dalam pengajaran kekeluargaan oleh guru di sekolah menengah. Objektif khusus kajian ini adalah untuk:

- i. Meneroka nilai kekeluargaan yang diterapkan guru dalam pengajaran tema kekeluargaan oleh guru sekolah menengah.
- ii. Meneroka proses penerapan nilai kekeluargaan dalam pengajaran tema kekeluargaan oleh guru sekolah menengah.
- iii. Meneroka kekangan yang dihadapi oleh guru dalam proses penerapan nilai kekeluargaan dalam pengajaran tema kekeluargaan.

1.5 Persoalan Kajian

Secara khususnya, kajian ini dijalankan untuk menjawab empat persoalan berikut:

- i. Apakah maksud nilai kekeluargaan yang diterapkan guru dalam pengajaran tema kekeluargaan?
- ii. Apakah nilai kekeluargaan yang diterapkan guru dalam pengajaran tema kekeluargaan?
- iii. Bagaimana guru menerapkan nilai-nilai kekeluargaan dalam pengajaran tema kekeluargaan?
- iv. Apakah kekangan guru ketika menerapkan nilai kekeluargaan dalam pengajaran tema kekeluargaan?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini dapat meneroka sejauh mana kefahaman guru tentang nilai kekeluargaan. Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada beberapa pihak seperti pentadbir dan guru-guru agar memahami dari segi praktikal melalui penambahbaikan program latihan guru dengan menganjurkan Latihan Dalam Perkhidmatan (LADAP) yang sesuai bagi menambahbaikkan dan meningkatkan profesionalisme keguruan. LADAP sebegini diharapkan dapat memperbaiki amalan guru yang mengajar mata pelajaran kekeluargaan agar memahami pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran berkaitan penerapan nilai kekeluargaan.

Kedua, kajian ini dapat digunakan oleh kerajaan bagi menetapkan polisi mengenai pengambilan guru yang mengajar aspek kekeluargaan agar mempertimbangkan opsyen guru yang mengajar mata pelajaran kekeluargaan. Selepas kajian ini, diharapkan agar dapat membantu guru menambah ilmu berkaitan isi kandungan yang berkisar tajuk kekeluargaan dan membantu guru menjadi lebih berkemahiran. Diharapkan, guru opsyen kekeluargaan akan berupaya membentuk akhlak dan sahsiah murid agar menjadi warganegara yang bermoral, beretika dan mempunyai jati diri yang tinggi.

Ketiga, dari segi teori, kajian ini turut memberi sumbangan kepada percambahan dan perkembangan ilmu dalam bidang pendidikan khususnya dalam konteks pengajaran kekeluargaan. Sumbangan kajian ini adalah sejajar dan menyokong Teori Pendidikan Akhlak Al-Ghazali, yang boleh menyumbang kepada perkembangan literatur berkenaan menggunakan pendekatan pengajaran yang berasaskan model pendidikan Islam. Maka, dapatan kajian ini boleh dijadikan asas kepada kajian-kajian seterusnya dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran guru dalam menerapkan nilai kekeluargaan berasaskan pendekatan Islam dan pendekatan ekologi.

1.7 Skop dan Limitasi Kajian

Kajian ini terbatas kepada guru yang mengajar tema kekeluargaan yang melibatkan guru mata pelajaran ERT, PSK, PJK, PM dan PI di tiga buah sekolah menengah di negeri Selangor kerana aspek limitasi dari segi masa. Dengan itu, kajian ini boleh digeneralisasikan hanya kepada guru yang mengajar mata pelajaran pelajaran ERT, PSK, PJK, PM dan PI.

Guru-guru yang dipilih terdiri daripada guru yang mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) yang telah berkhidmat melebihi lima tahun untuk memastikan pandangan, pengalaman dan amalan mereka mencukupi untuk menjawab persoalan kajian. Selain daripada itu, dapatan kajian turut terbatas kepada keikhlasan subjek kajian. Ini bermakna dapatan kajian yang terdiri daripada pandangan dan pengalaman tertakluk kepada sejauh mana kejujuran responden dalam memberi pandangan dan menjawab soalan yang dikemukakan kepada pengkaji.

Memandangkan kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan reka bentuk kualitatif, isu bilangan responden merupakan antara batasan utama kajian ini. Melihat pada jumlah responden yang dilibatkan dalam kajian ini adalah kecil, dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan untuk mewakili penerapan nilai kekeluargaan dalam pelaksanaan pengajaran kekeluargaan secara menyeluruh. Ini bermakna, data yang diperolehi tidak menggambarkan pengalaman kesemua guru pendidikan kekeluargaan. Namun rumusan dan implikasi bagi kajian ini boleh dimanfaatkan dalam konteks yang menunjukkan ciri-ciri yang sama.

1.8 Definisi Konsep dan Operasional

Kajian ini menggunakan istilah khusus yang perlu didefinisikan sesuai dengan keperluan kajian. Antara istilah yang berkaitan adalah seperti berikut:

1.8.1 Nilai kekeluargaan

Nilai kekeluargaan merupakan suatu nilai ideal yang menjadi rujukan dalam sesebuah keluarga (Richard & Linda, 2010). Sementara, menurut Seth (2015), nilai kekeluargaan adalah perlakuan yang dibina daripada suatu sistem dan kepercayaan yang menyatukan anggota keluarga dalam suatu struktur keluarga. Manakala, Purwaningsih, (2010) mendefinisikan nilai kekeluargaan adalah merupakan satu proses memahami, mengenalpasti dan membentuk motivasi serta melakukan proses pemodelan yang akan membentuk nilai-nilai moral dalam individu terbabit.

Dari segi operasional, nilai kekeluargaan adalah merujuk kepada penerapan nilai yang diajar dalam lima mata pelajaran iaitu Pendidikan Ekonomi Rumah Tangga (ERT), Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan (PSK), Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK), Pendidikan Moral (PM) dan Pendidikan Islam (PI) berdasarkan kepada Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).

1.8.2 Pendidikan Kekeluargaan

Pendidikan kekeluargaan menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (1992) ditakrifkan sebagai pendidikan yang membekalkan pelajar dengan kemahiran interaksi individu dengan keluarga dan masyarakat. Manakala, kekeluargaan merujuk kepada tajuk-tajuk yang membincangkan tentang aspek berkaitan dengan kehidupan berkeluarga seperti disenaraikan dalam tajuk kekeluargaan yang dicakup dalam lima mata pelajaran dalam tema kekeluargaan antaranya HSP PI (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003b), HSP PM (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003c), HSP ERT (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003), HSP PSK (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2004) dan HSP PK (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2005). Topik-topik yang dibincangkan juga disenaraikan dalam *Family Life of Education Guidelines and Standards of Learning Virginia* (Virginia General Assembly, 2011).

Dalam konteks kajian ini, kekeluargaan merangkumi tajuk-tajuk yang diajar oleh guru terlibat dalam proses PdPC berkaitan dengan tema keluarga seperti yang diterangkan di atas.

1.8.3 Guru Opsyen

Menurut Haslina, Noor Shamsinar, Mohd Izzuddin, Julia, & Mohd Salihin Hafizi, (2017), guru opsyen ialah guru yang mendapat latihan ikhtisas dalam bidang tertentu dan mengajar subjek berkaitan dikenali sebagai “guru mengikut opsyen” manakala guru yang mengajar subjek berlainan daripada kelayakan ikhtisas dikenali sebagai “guru bukan opsyen”.

Dalam konteks kajian ini, guru opsyen ialah GERT dan GPI. Manakala guru bukan opsyen ialah GPSK, GPK dan GPM.

1.8.4 Pendekatan Pengajaran

Pendekatan boleh dibahagikan kepada dua iaitu pendekatan berpusatkan guru dan pendekatan berpusatkan murid (Abdul Sukor, Mohd Izam, Nurahimah, & Mohd Isha, 2016; Zainudin & Nor Hisham, 2011).

Dalam konteks kajian ini, pendekatan pengajaran merupakan haluan atau aspek yang digunakan untuk mendekati atau menjalankan proses pengajaran. Oleh itu, pendekatan berpusatkan guru ialah pendekatan yang memberi tumpuan kepada pengajar mengikut cara pengelolaan guru, cara-cara fakta disampaikan, cara mengelolakan keaktifan pengajaran dengan menggunakan teknik penerangan dan teknik bercerita.

Sementara, pendekatan berpusatkan murid adalah pendekatan memusatkan murid seperti pendekatan individu, pendekatan pasangan, pendekatan kumpulan dan pendekatan kelas. Pendekatan berpusatkan murid yang digunakan dalam kajian ini mengaplikasikan teknik perbincangan, teknik soal jawab dan teknik main peranan.

1.8.5 Kaedah Pengajaran Nilai Kekeluargaan

Menurut Marohaini (2014), kaedah merupakan tindakan atau langkah yang dipilih oleh guru dalam melaksanakan pengajaran bagi memastikan objektif pengajaran dapat dicapai. Kaedah juga melibatkan peraturan atau langkah-langkah yang perlu diikuti sepanjang proses pengajaran (Ambigapathy, 2010).

Dalam konteks kajian ini, kaedah penerapan nilai kekeluargaan ialah tindakan atau langkah yang guru gunakan semasa menjalankan proses penerapan nilai kekeluargaan

dengan menggunakan kaedah penerapan nilai secara langsung atau secara tidak langsung. Secara lebih khusus, kaedah pengajaran kekeluargaan merujuk kepada Teori Pemikiran Akhlak Al-Ghazali dan Teori Ekologi Pembangunan Manusia (1979).

1.9 Rumusan

Secara ringkas, bab ini menghuraikan latar belakang kajian mengenai pendidikan kekeluargaan dan pernyataan masalah tentang senario pendidikan masa kini. Berdasarkan pernyataan masalah yang dikemukakan. Dua objektif kajian telah dibina bagi menjawab lima persoalan kajian. Selain itu, skop, limitasi serta definisi operasional turut diuraikan dalam bahagian akhir bab ini. Bab berikutnya, akan menghuraikan dengan lebih lanjut tentang pendidikan kekeluargaan, penerapan dan pelaksanaan nilai kekeluargaan oleh guru di sekolah.

RUJUKAN

- Ab.Halim, T., & Mohamad Khairul Azman, A. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu ' allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43–56.
- Abbott, K., Ellis, S. J., & Abbott, R. (2016). ' We ' ve got a lack of family values ': an examination of how teachers formulate and justify their approach to teaching sex and relationships education teachers formulate and justify their approach to teaching sex. *Sex Education*, 16(6), 678–691.
- Abdul Monir, Y. (2007). Membentuk keluarga menerusi nilai-nilai kekeluargaan Islam. In S. Azrina (Ed.), *Keluarga Islam, kemahiran keibubapaan dan cabaran semasa* (pp. 45–59). Kuala Lumpur: MPH Publishing.
- Abdul Munir, I., Saharizah, M. S., & Misnan, J. (2013). Analisis Bentuk Didikan Ibu Bapa Bagi Membentuk Sahsiah Cemerlang: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka. *Jurnal Perspektif*, 2, 2–3.
- Abdul Rahim, H., & Azharul Nizam, Z. (2010). Konsep pendidikan bersepadu serta penerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran Matematik menengah rendah. *Jurnal Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia*.
- Abdul Rasid, J., Shamsudin, O., & Sufiza, I. (2013). Interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Malay Language Education Journal – MyLEJ*, 3(1), 2180–4842.
- Abu Hamid Muhammad, A.-G. (2004). *Bergaul ala ahli surga*. Jakarta Timur: Dar al-Kutub al-`Ilmiah.
- Ahmad Yunus, K., & Ab. Halim, T. (2010). Pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) pengajaran akidah: Kajian kes Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 13–30.
- Ainudin, Y., & Abdullah, M. R. @ M. I. (2013). Persepsi pelajar terhadap penerapan nilai nilai. In *Seminar pasca siswazah dalam pendidikan (Greduc)*.
- Al-Ghazali. (1998). *Ihya' `Ulum al-Din* (Jilid 3 da). Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Al-Ghazali, A.-I. (2008). *Ringkasan Ihya' `Ulumuddin*. Jakarta Timur: Akbar Media.
- Allen, M. (2017). *The sage encyclopedia of communication research methods*. Thousand Oaks: SAGE Publications Ltd.
- Ambigapathy, P. (2010). *Pancadimensi pengajaran dan pembelajaran bahasa: Trend dan amalan (Penerbit USM)*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia Press.
- Amla, S., Zahara, A., Zuria, M., & Abd Aziz, M. (2010a). Peranan Bapa dalam Pembangunan Sahsiah Remaja dan Implikasinya terhadap Nilai Kekeluargaan. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2), 9–17.
- Amla, S., Zahara, Zuria, & Abd Aziz, M. (2010b). Peranan bapa dalam pembangunan sahsiah remaja dan implikasinya terhadap nilai kekeluargaan. *Jurnal Pendidikan Malaysia 35(2)(2010): 9-17 Peranan*, 35(2), 9–17.
- Anderson, E. M. (2008). *Understanding child development in context: Exploring family and teacher perspectives through case study research*. Unpublished doctoral thesis, State University of New York.
- Arshad, M. (2007). The role of parents in providing education to children at early age. *Masalah Pendidikan 2007*, 30, 129–136.
- Asmawati, S. (2007a). Pengajaran adab dan akhlak Islam dalam membangunkan modal insan. *Jurnal Pengajian Umum*, 8(9), 167–178.
- Asmawati, S. (2007b). Pengajaran Adab Dan Akhlak Islam Dalam Membangunkan Modal Insan. *Jurnal Pengajian Umum*, 8(9), 167–178.

- Astuti, & Ernawati, P. (2010). *Pengenalan nilai Agama Islam di taman kanak-kanak melalui metode bermain*. Thesis doktoral yang tidak diterbitkan, Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Azrina Jonit. (2004). Keperluan dalam Pendidikan Moral untuk menghadapi cabaran era pasca modenisme. In *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004)* (pp. 1–6).
- Azrina, S. (2007). *Keluarga Islam, cabaran keibubapaan dan cabaran semasa*. Petaling Jaya: MPH Publishing.
- Badruzaman B. (2006). *Persekitaran keluarga dan kesannya terhadap tingkah laku devian remaja di daerah Pontian, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Bahadur, Anshubhi and Dhawan, N. (2008). Social value of parents and Children in joint and nuclear families. *Journal of Indian Academy of Applied Psychology*, 34(April), 74–80.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2009). *Standard guru Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2011). *Modul komuniti pembelajaran profesional*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Baharom, M. (2009). Kepimpinan pendidikan dalam pembangunan modal insan. In *Prosiding' Seminar Kepimpinan Pendidikan Dalam Pembangunan Modal Insan* (pp. 23–24).
- Bandura. (1977). *Social learning theory*. New Jersey: Prentice Hall.
- Barni, D., Ranieri, S., Donato, S., Tagliabue, S., & Scabini, E. (2017). Personal and family sources of parents' socialization values: A multilevel study. *Avances En Psicología Latinoamericana*, 35(1), 22.
- Bronfenbrenner. (1979). *The ecology of human development*. Cambridge: Harvest University Press.
- Bronfenbrenner, U. (1986). Ecology of the Family as a Context for Human Development: Research Perspectives. *Developmental Psychology*, 22(6), 723–742.
- Bronfenbrenner, U. (1994). Ecological models of human development. *Readings on the Development of Children*, 37–43.
- Carla, W., & Wendy Stainton, R. (2017). *Willig, C., & Rogers, W. (2017). The SAGE Handbook of qualitative research in psychology*. London: SAGE Publications.
- Chad.R, L., & Jessica, L. (2015). *An Introduction to Educational Research Connecting Methods to Practice*. California: SAGE.
- Craig A., M. (2015). *Introduction to educational research*. California: SAGE Publications.
- Creswell, J. . (2013). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (3rd ed). Thousand Oaks: Sage Publications.
- Creswell, J.(2014). *Education Research : Conducting and evaluating qualitative and quantitative research(J.M.Creswell,Ed.)* (Fourth). United States of America: Pearson Education Limited.
- David, H. (2016). *Data literacy: A user's guide*. Thousand Oaks: SAGE Publications Ltd.
- Efendi, S. P (2016). *Konsep pemikiran Edward L. Thorndike Behavioristik dan Imam Al-Ghazali akhlak*. Indonesia: Quepedia.
- Esmali, B. (2017). *Dasar penempatan-pertukaran, kompetensi dan tanggungan tugas dalam perkhidmatan guru*. Universiti Malaya.
- Everett, W. H. (2014). *What is value? An essay in philosophy*. New York: Routledge.

- Fachrudin. (2011). Peranan pendidikan agama dalam keluarga terhadap pembentukan keperibadian anak-anak. *Jurnal Pendidikan Agama Islam -Ta'lim*, 9(1), 1–16.
- Faridah, D., Rohaida, M. S., & Abdul Razak, Z. (2013). Transformasi guru dalam pengajaran dan pembelajaran mengenai kemahiran membuat hipotesis dalam kalangan murid sekolah rendah. *Juku Juku, Bil 1*(3), 47–57.
- Fatimah, A. (2015). *Keluarga dan permodenan di Malaysia*. Batu Caves, Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Fielding, N., Lee, R., & Blank, G. (2017). *The SAGE Handbook of online research methods*. London: SAGE.
- Frank, L. S., & John, E. H. (2015). *Methods of meta-analysis*. London: SAGE Publications Ltd.
- Gina, H. (2015). Data management, analysis and interpretation. In *Participatory qualitative research methodologies in health* (pp. 59–79). London: SAGE Publications.
- Habsah, I., & Tajul Ariffin, N. (2002). Konsep kesepaduan: Pemahaman dan pelaksanaannya. In *Prosiding Pendidikan dan Pembangunan Manusia*, (pp. 162–177).
- Halstead, J. ., & Taylor, M. (2000). Learning and teaching about values : A review of recent research. *Cambridge Journal of Education*, 30(2), 169–202.
- Harry, B., & Adam, S. (2014). *Family values, the ethics of parent-child relationships*. New Jersey: Prinestone University Press.
- Haslina, H., Noor Shamsinar, Z., Mohd Izzuddin, M. P., Julia, M., & Mohd Salihin Hafizi, M. F. (2017). Hubungan cabaran guru bukan opsyen dan iklim sekolah dalam pengajaran Bahasa Arab di beberapa buah sekolah, (October), 35–40.
- Intan Safinas, M. A., Fazilah, I., Maznah, I., & Alawiah, I. (2010). Kaedah Pengajaran Berkesan: Antara Keperluan Pelajar dan Realiti Pengajaran Jarak Jauh. *Kongres Pengajaran Dan Pembelajaran UKM*, 2(1), 47–57.
- Isa, N., Machmudi, M., Shihah, M. A. I., & Abdullah, H. J. (2013). Pembelajaran Berasaskan Projek : Takrifan , Teori dan Perbandingannya dengan Pembelajaran Berasaskan Masalah. *CREAM -Current Researc in Malaysia*, 2(1), 181–194.
- James, G., & Gaboury, M. (2017). An introduction. In G. James (Ed.), *Children and families in the social environment: Modern applications of social work, Edition 2* (pp. 18–31). New York: Routledge.
- James, G., & Robert, A. (2017). The ecology of human development. In J. Garbarino (Ed.), *Children and families in the social environment, modern applications of social work, Second edition* (pp. 32–53). New York: Routledge.
- Janine, S. F., & Laura, D. (2017). *Fisk, J., & Dunbar, L. (2017). Co-Teaching and collaboration: A qualitative multi-case study. SAGE Research Methods Cases*. London: SAGE Publications.
- Jessica Marie, S. (2017). Peer review. In *The SAGE Encyclopedia of Communication Research Methods*. Thousand Oaks.
- Juliet, C., & Anselm, S. (2015). *Basics of qualitative research, Techniques and procedures for developing grounded theory*. United States of America: SAGE Publications Inc.
- Juliyana, S. (2016). *Pembelajaran informal dalam kalangan guru bukan opsyen Bahasa Melayu di sekolah menengah harian*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Kamarul Azmi, J., Ab Halim, T., & Mohd, I. (2011). Kajian Kes Penggunaan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Sekolah Bandar Dan Luar Bandar: Satu Kajian Perbandingan.

- Kamarul Mutminah, Y., & Zuliza, M. K. (2015). Penambahbaikan isi kandungan pendidikan akhlak dalam Pendidikan Islam: Satu tinjauan. *Ukmsyariah*, 100–116.
- Karlsson, P. A. (2012). *Storytelling as a teaching strategy in the English language classroom in Iceland*. Unpublished master thesis, University of Iceland.
- Kaviza, M. (2013). Penggunaan sumber Sejarah dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah : Satu kajian perbandingan antara guru opsyen Sejarah dan guru bukan opsyen. *National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (ICompEx'18)*, 1–10.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1990). *Pukallatihan KBSM*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Malaysia Education Blueprint 2013 - 2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Buletin Anjakan. Buletin Transformasi Pendidikan Malaysia - PPPM 2013-2025*.
- Kikas, E., Lerkkanen, M., Pakarinen, E., & Poikonen, P. (2016). Family- and classroom-related factors and mother – kindergarten teacher trust in Estonia and Finland. *Educational Psychology*, 36(1), 47–72.
- Kurikulum, P. P. (1992). *Garis panduan kemahiran keibubapaan dalam kekeluargaan*. Kuala Lumpur: kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kurikulum, P. P. (2004). *Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan Tingkatan 3 (Vol. 3)*.
- L. A. Palinkas, H., S. M., Green, C. A., Wisdom, J. P., & Duan, N. Hoagwood, K. (2015). *Purposeful sampling for qualitative data collection and analysis in mixed method implementation research. Administration and Policy in Mental Health*. US National Library.
- Latifah, A. M., Wan Nasrudin, W. A., & Nurul Hidayah, A. Z. (2012). Penerapan Nilai Murni dan Pembentukan Jati Diri Kanak-kanak Prasekolah Melalui Penggunaan Multimedia. *Jurnal Hadhari Special Edition (2012) 51-65*, 51–65.
- Mahamud, M. R. (2010). Mata pelajaran Pendidikan Islam dan kesannya terhadap peningkatan disiplin pelajar : kajian di sekolah-sekolah menengah kebangsaan negeri Perlis. *Igarss 2014*, (1), 1–5.
- Margaret, Z., & Deirdre, B. (2015). *Milestone moments in getting your PhD in qualitative research*. Oxford: Elsevier.
- Marita Lailia, R. (2016). Konsep belajar menurut Islam. *Jakarta: Lentera Hati Konsep Belajar Menurut Pandangan Islam Jurnal Ulul Albab*, 24(2), 230–250.
- Marohaini, Y. (2014). *Strategi pengajaran bacaan dan kefahaman, memantapkan pembelajaran di sekolah menengah*. Batu Caves, Selangor: PTS Akademia.
- Mary Basil, N. (2013). Influence of culturalvalue system and home on child-rearing practices in the contemporary Nigerian Society. *Open Journal of Philosophy*, 3(1), 200–206.
- Mayer, B., Trommsdorff, G., Friedlmeier, M., Lubiewska, K., Barni, D., Kasearu, K., & Albert, I. (2015). The roles of religiosity and affluence for adolescents' family orientation : Multilevel analyses of 18 cultures. *Italian Journal of Sociology of Education*, 7(3), 47–88. <http://doi.org/10.14658/pupj-ijse-2015-3-3>
- Melanie, N. (2017). *Researching innovation in qualitative research using in-depth case studies*. California: SAGE Publications Ltd.
- Merriam, S., & Elizabeth, J. T. (2016). *Qualitative research, a guide to design and implementation*. San Francisco: Jossey-Bass A Wiley Brand.
- Michael, B. (2016). Adresseing social problems through qualitative research. In *Qualitatif research* (pp. 15–29). California: SAGE Publications.

- Mior Khairul Azman, M. J. (2011). Pendidikan di Malaysia: Dasar, cabaran dan pelaksanaan ke arah perpaduan nasional. *Sosio Humanika*, 33, 33–50.
- Mohamad Khairi Othman. (n.d.). *Penerapan nilai murni dalam pengajaran dan hubungannya dengan penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar sekolah menengah*. Universiti Putra Malaysia.
- Mohamad Khairi Othman, & Asmawati Suhid. (2010). Peranan sekolah dan guru dalam pembangunan nilai pelajar menerusi penerapan nilai murni : satu sorotan. *Journal of General Studies*, 117–130.
- Mohar, K., & Shahrulfadly, R. (2015). Inculcation of values in co-curricular activities from virtues module. *Journal of Scientific Research and Development*, 2(13), 183–188.
- Mohd Azam, M. A., Muhammad Nubli, A. W., & Zarina, M. A. (2014). Pengukuran dan penilaian tahap emosi pelajar dalam aktiviti kokurikulum : permasalahan dan cadangan. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 1(2), 72–82.
- Mohd Azhar, A. H., Mohd Koharuddin, Balwi Muhamed Fauzi, O., & Othman, K. (2005). Wajah Moral Masyarakat Melayu Pascamoden: Antara Realiti, Harapan Dan Gagasan Pendidikan Moral Tinggi. *Jabatan Pembangunan Sumber Manusia Fakulti Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia*, 1–24.
- Mohd Fauzi, H., & Mohd Khairul Naim, C. N. (2012). Tinjauan kepentingan pembangunan modal insan Di Malaysia. *Jurnal Al-Tamaddun*, 7(1), 75–89.
- Mohd Firdaus, C. Y., & Normaliza, A. R. (2016). Nilai baik hati menerusi cerita rakyat Melayu terhadap masyarakat Melayu suatu aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*, 4(2), 48–57.
- Mohd Hasrul, S., & Mohd Fauzi, H. (2015). Nilai-nilai penting individu muslim menurut Al-Ghazali. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 9, 41–60.
- Mohd Khairi, S., & Mohamad Khairi, H. O. (2016). Kefahaman dan Pengamalan Akhlak dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu ' Adzam Shah. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, 1(October), 1–11.
- Mohd Razak, M. N., & Masitah, A. (2016). Penggunaan teknik permainan bahasa dan main peranan dalam kalangan murid Orang Asli: Satu tinjauan. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 11, 79–97.
- Mohd Zailani, M. Y. (2012). Faktor-faktor penyumbang dalam pertimbangan moral pelajar sekolah agama. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 9, 81–109.
- Muhammad Atiullah, O. (2013). Falsafah nilai dan akhlak dalam strategi ketenteraan Islam. *Journal of Chemical Information and Modeling*, 53(9), 1689–1699.
- Muhammed Sharif, M., & Suria, A. J. (2012). Mengenal pasti punca-punca masalah ponteng di kalangan pelajar sekolah rendah: Satu kajian kes. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, 6(June), 50–73.
- Munirah Husna, B., Abdul Razaq, A., & Noria Munirah, Y. (2015). Pengajaran dan pembelajaran Sejarah abad ke-21: Isu dan cabaran. In *Proceeding: 7th International Seminar on Regional Education* (Vol. 1, pp. 5–7).
- Naemah, H., Mohd Ismail, M., & Bushrah, B. (2015). Model pendidikan kerohanian terhadap anak-anak dalam kalangan wanita cemerlang sektor awam. *Global Journal Al-Thaqafah*, 5(1), 105–117.
- Natalia, S., & Naomi, G. (2012). *Nuclear family values, extended family lives, the power of race, class, and gender* -. New York: Routledge.

- Nazneen, I., & Nurzatil Ismah, A. (2015). Perspektif Islam Dalam Pembentukan Akhlak Masyarakat. In *Dakwah Dan Syariah* (Vol. 2015, pp. 12–13).
- Noor Aini, N. (2013). *Komitmen Guru-Guru Pelatih Terhadap Penerapan Pendidikan Alam Sekitar Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran*.
- Noor Hisham, M. N. (2011). Pengajaran dan Pembelajaran; Penelitian Semula Konsep-konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden. *Kongres Pengajaran Dan Pembelajaran UKM 2011*, 1–15.
- Noraida, M. A. (2006). Kesediaan guru-guru bukan opsyen mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah-sekolah menengah dalam daerah Kluang, 1–33.
- Norazri, M. Z. (2015). Penerapan nilai-nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran ke arah pembentukan sahsiah pelajar di Kolej Kemahiran Tinggi MARA, 1–43.
- Nozama, M., Siti Aishah, H., & Khairinfariza, K. B. (2015). Kajian efikasi guru Pendidikan Jasman terhadap kandungan Pendidikan Pencegahan Dadah dalam mata pelajaran. *International Drug Prevention And Rehabilitation Conference*, (Prevent), 235–241.
- Nur Zahidah, J., & Raihanah, A. (2011). Model keluarga bahagia menurut Islam. *Jurnal Fiqh*, 8, 25–44.
- Nurfarhana Shahira, R., & Normaliza, A. R. (2015). Penerapan elemen penceritaan dalam teknik pembelajaran kanak-kanak Sindrom Asperger. *Journal of Business and Social Development*, 3(1), 76–87.
- Nursafra, M. Z., Wan Ali Akbar, W. A., & Noor Izzuddin, M. Z. (2015). i-Eco: Inovasi Simulasi dalam Pembelajaran dan Pengajaran Ibadah Tingkatan 4. *The Online Journal of Islamic Education*, 3, 1–6.
- Nurul Raihana, A., & Norila, M. S. (2016). Peranan watak utama menerusi penonjolan nilai-nilai murni KBSM dalam teks KOMSAS novel Songket Berbenang Emas. *Jurnal Peradaban Melayu, Jilid 11*, 33–44.
- Nurulhuda, N. (2013). Kesan kaedah pembelajaran koperatif terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Matematik. *Journal of Chemical Information and Modeling*, 53(9), 1689–1699.
- Ojuwa, T. A., Lukpata, F. E., & Atama, C. (2014). Exploring the neglect of African family value systems and its effects on sustainable development. *American Journal of Human Ecology*, 3(3), 43–50.
- Othman, M. K., Yusoff, M. Z. M., Puteh, A., & Roslan, N. (2017). Permasalahan Dan Cabaran Guru Dalam Membentuk Nilai Pelajar Di Sekolah Menengah. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue*, 4(1), 1–10.
- Paizah, I. (2007). Keluarga dan nilai-nilai kekeluargaan dalam Islam. In S. Azrina (Ed.), *Keluarga Islam, kemahiran keibubapaan dan cabaran semasa* (pp. 31–44). Kuala Lumpur: MPH Publishing.
- Pamela L., M. (2017). Triangulation. In *The SAGE Encyclopedia of Communication Research Methods* (1st–4th ed.). SAGE Publications Ltd.
- Patricia Mandang, A. T. (2014). *Hubungan antara iklim kerja dan stres dalam kalangan guru sekolah menengah swasta*. Universiti Malaysia Sarawak.
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods, integrating theory and practice*. United States of America: SAGE Publications.
- Pratt, M. W., Norris, J. E., & Arnold, M. L. (2008). Intergenerational transmission of values: Family generativity and adolescents' narratives of parent and grandparent value teaching. *Journal of Personality*, 76(April), 171–198.
- Purwaningsih, E. (2010). Keluarga Dalam Mewujudkan Pendidikan Nilai Sebagai Upaya Mengatasi Degradasi Nilai Moral. *Jurnal Pendidikan Sosiologi Dan Humaniora*, 1(1), 43–55.

- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2005). *Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Nilai Merentas Kurikulum*.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (1992). *Garis panduan kemahiran keibubapaan dalam kekeluargaan*. Kuala Lumpur: kementerian Pelajaran Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003a). *Huraian sukatan pelajaran kurikulum bersepadu sekolah menengah Ekonomi Rumah Tangga Ting 4 dan 5*. Kuala Lumpur: Bahagian Kurikulum Teknik & Vokasional, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003b). *Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan 5*.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003c). *Huraian sukatan pelajaran pendidikan Moral tingkatan 3*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2005). *Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan kesihatan Tingkatan 2*.
- Rahimah, J. (2012). *Pengaruh faktor terpilih terhadap efikasi sendiri guru sekolah menengah dalam melaksanakan pengajaran kekeluargaan*. Universiti Putra Malaysia.
- Rahimah, J., & Roselan, B. (2009). Kefahaman tentang konsep keluarga: Pengembaraan remaja ke alam dewasa. In M. H. M. P. Shafee Mohd Daud, Sharifah Md Nor, Habsah Ismail (Ed.), *Pengajaran & Pembelajaran daripada Pelbagai Perspektif* (Cetakan Pe, pp. 231–245). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Rahimah, J., Rosini, A., Abdullah, M. R., & Habsah, I. (2014). Tahap efikasi sendiri guru dalam pengajaran kekeluargaan, *4*(2001), 163–168.
- Rai, R. (2014). Inculcation of values : A necessity today, *5*(March), 30–32.
- Raths, L., Harmin, M., & Simon, S. (1980). *Values and teaching*. Ohio: Charles B. Merrill.
- Ravitch, S., & Carl, N. M. (2015). *Qualitative research bridging the conceptual, theoretical, and methodologica*. California: SAGE Publications.
- Richard, E., & Linda, E. (2010). *Teaching your children values*. New York: A Fireside Book.
- Rohana, T., Norhasni, Z. A., Azimi, H., & Fathiyah, M. F. (2013). Pengaruh faktor psikososial ke atas penghayatan akhlak Islam dalam kalangan belia institusi pengajian tinggi awam terpilih di Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, *16*, 55–64.
- Rozumah, B., & Nazlina, M. (1998). Kebapaan dan pencapaian bandar dan luar bandar. *Jurnal Pendidik Dan Pendidik*, *16*, 61–83.
- Ruhil Hayati. M. (2011). *Modul kursus pra perkahwinan Islam;Kajian terhadap keberkesanannya di Jabatan Agama Islam negeri Perak, Darul Ridzuan*.
- Sara, M. (2010). *The child as social person*. London: Routledge.
- Sarimah, I., & Abreza, A. (2011). Aplikasi pendekatan penyelesaian masalah dalam pengajaran mata pelajaran Teknikal dan Vokasional di Fakulti Pendidikan UTM. *Journal of Educational Psychology and Counseling*, *2*, 113–144.
- Sawant, S. P., & Rizvi, S. (2015). Study of passive didactic teacher centered approach and an active student centered approach in teaching anatomy. *International Journal of Anatomy and Research*, *3*(3), 1192–1197.
- Seth, D. (2015). *Family values and the rise of the Christian right*. Pennsylvania: University of Pennsylvania Press.
- Silahuddin. (2014). Konsep Pendidikan Islam menurut al-Ghazali. *Islamic Studies Journal*, *2*(1), 149–163.
- Silverman, D. (2014). *Interpreting qualitative data*. London: SAGE Publications.

- Silverman, D. (2016). *Introducing qualitative research*. In S. Mila (Ed.), *Qualitative research*. California: SAGE Publications.
- Siti Aisyah, K., & Latifah, A. M. (2017). Peranan murabbi terhadap pembangunan dan pembentukan akhlak remaja. *Jurnal Al-Turath*, 2(2), 31–37.
- Siti Salwa, M. (2014). *Pengajaran guru opsyen dan bukan opsyen Kemahiran Hidup Bersepadu sekolah rendah di Batu Pahat*. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.
- Smith, T. W. (2007). *Changes in family structure, family values and politics, 1972-2006*. University of Chicago.
- Sonia, O., & Sadia, J. (2014). The role of family in teaching religious and moral values to their children in urban areas: A case study of Lahore (Pakistan). *Pakistan Vision*, Vol. 16(No. 1), 258–273.
- Suzanne Gabriella, B. (2015). *Tacher use of personal narratives in the Japanese University English language classroom*. Aston University.
- Syed Kamaruzaman, S. A., Muhammad Akbar, Z., & Rahmad Sukor, A. S. (2013). Faktor kekangan ibu bapa dan persekitaran sekolah dalam pelaksanaan pengajaran Pendidikan Jasmani di Sekolah Rendah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, Bil 1(2)*, 20–31.
- Tajulashikin, J., & Fazura, M. N. (2013). Faktor-faktor penentu stres dalam kalangan guru: Sekolah Rendah Mubaligh di Kuala Lumpur. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 1(2)*, 20–31.
- Taylor, M. (1948). *Domestics science in Malay girls school in Perak*. In *education in Malaya*. Kuala Lumpur: Government Press.
- Tengku Zawawi, T. Z., Ramlee, M., & Abdul Razak, H. (2009). Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan Guru Matematik bagi Tajuk Pecahan: Kajian Kes di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 131–153.
- Thaler-Carter, & Ruth, F. (2000). Leaving home economics in the pass. *Techniques*, 75(8), S2–S4.
- Uday, S. (2013). Value education and national reconstruction. *Cognitive Discourse International Multidisciplinarity Journal*, 1(1), 69–73.
- Unit Perancang Ekonomi. (2015). *Mentransformasi Sistem Pendidikan*. Putrajaya: Malaysia.
- Valeeva, R. A., Korolyeva, N. E., & Sakhapova, F. K. (2016). Case-study of the high school student's family values formation. *International Journal of Environmental and Science Education*, 11(7), 1641–1649.
- Virginia General Assembly. (2011). *Family life education board of education guidelines and standards of learning for Virginia publics schools*. Richmond: Department of Education Virginia.
- Weber, J. M. (2011). *For the good of "The family": The rhetoric of family values in U.S. National policymaking*. Unpublished doctoral dissertation, The Pennsylvania State University.
- Yudum Akyil, M. (2012). *Family values transmission in a changing Turkey*. Antioch University New England.
- Zamri, M. (2012). Trend terkini pengajaran bahasa di perguruan tinggi: Satu analisis. *Al-Ta Lim*, 19(1), 17–25.
- Zurina, M., & Hukil, S. (2008). Hubungan nilai masyarakat & pembangunan: satu analisa. *Jurnal Pengajian Umum Bil*, (8), 77–94.